

▼26/12/20-59MST

U GB 26-12 00175 BR257

AAB

Mahathir - Bangunan

KERAJAAN MUNGKIN PERKENAL UNDANG-UNDANG BARU

KUALA LUMPUR, 26 Dis (Bernama) -- Kerajaan mungkin memperkenalkan undang-undang baru bagi memastikan syarikat pembinaan mengikuti arahan yang dibuat oleh kerajaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, tindakan itu akan diambil setelah kajian dijalankan dan sekiranya didapati undang-undang yang ada sekarang tidak memberi sebarang kuasa kepada kerajaan untuk menghentikan atau mengambil tindakan terhadap syarikat pembinaan yang tidak mengikut arahan.

Tindakan itu perlu bagi memastikan kepentingan orang ramai tidak diabaikan, katanya kepada pemberita setibanya di stesen Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Sungai Besi di sini dari lawatan tidak rasmi tiga hari di Labuan.

Beliau mengulas laporan akhbar semalam yang menyatakan bahawa masih terdapat syarikat pembinaan yang meneruskan projek pembinaan kondominium tinggi dan juga kondominium di lereng-lereng bukit walaupun kabinet pada Rabu lepas mengarahkan projek-projek berkenaan dihentikan.

Perdana Menteri menyifatkan tindakan syarikat pembinaan yang meneruskan kerja-kerja pembinaan itu sebagai tidak sensitif terhadap tanggungjawab dan mereka "nampaknya tamak." -- Lagi.

▼26/12/19-59MST

CNS6944

U GB 26-12 00118 BB258

AAB

Mahathir - Bangunan 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata apa yang penting pada masa ini ialah untuk menghentikan projek-projek itu secepat mungkin.

" Pada masa ini kita tidak mempunyai masa untuk mengkaji siapa yang berkuasa... (untuk mengambil tindakan terhadap syarikat pembinaan yang tidak mengikut arahan)," katanya.

Katanya, projek-projek kondominium akan dibekukan selagi kerajaan tidak berpuashati mengenai keselamatan bangunan-bangunan berkenaan.

Pada mesyuarat kabinet Rabu lepas, kerajaan memutuskan bahawa pemaju hanya boleh meneruskan projek mereka setelah mendapat perakuan daripada perunding yang diiktiraf yang mengatakan bahawa bangunan mereka stabil dan selamat.

Perdana Menteri juga berkata pihak berkuasa perlu mengambil tindakan memberhentikan projek pembinaan kondominium yang sedang dijalankan. -- Lagi.

♥26/12/20-16MST

CNS6945

U GB 26-12 00087 BB259

AAB

Mahathir - Bangunan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Menyentuh daripada segi moral syarikat-syarikat pembinaan yang meneruskan projek pembinaan itu beliau berkata, ada pemaju yang mempunyai moral tetapi ada juga yang tidak mempunyai moral.

"Pasal itu kita ada masalah," katanya.

"... Mereka tidak mengikut peraturan dan standard yang ditentukan... seperti mencampur konkrit tidak mengikut standard yang betul... benda macam ini memang berlaku," katanya.

Beliau berkata sebab itu ada bangunan yang runtuh kerana tidak mengikut peraturan. -- Bernama.

HK AZ.